

31 OCT 2002  
Puteri-Pemilihan  
PUTERI UMNO TENTUKAN BARISAN KEPIMPINAN ESOK

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Puteri Umno yang secara sah menjadi sayap terbaru Umno pada perhimpunan parti 20 Jun lepas, mengadakan pemilihan barisan pemimpinnya pada Perhimpunan Agung pergerakan itu esok dengan jawatan ketua dan naib ketua sudahpun dimenangi tanpa ditandingi.

Perhimpunan agung itu yang akan berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra pada 3 petang itu, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga presiden parti.

Bagi pemilihan yang julung kali diadakan ini, ketua penaja Azalina Othman, sudahpun menang tanpa ditandingi manakala setiausaha pergerakan itu, Noraini Ahmad, menang jawatan naib ketua, juga tanpa ditandingi. Azalina dicalonkan oleh kesemua 165 bahagian seluruh negara manakala Noraini menang selepas dua pencabarnya menarik diri.

Perhimpunan esok akan menyaksikan 47 ahli Puteri bertanding merebut 20 jawatan exco, selain untuk jawatan Pengerusi Tetap yang melibatkan tiga orang, dan bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap, dua orang akan bertanding.

Perhimpunan sulung ini akan dihadiri oleh 660 anggota perwakilan dengan disaksikan tiga wakil Majlis Tertinggi Umno.

Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri akan dimulakan dengan ucapan Azalina, diikuti perasmian oleh Dr Mahathir.

Sebelum pemilihan dimulakan pada pukul 5 petang, satu taklimat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Tan Sri Kamarul Ariffin Mohd Yassin akan diadakan.

Keputusan rasmi pemilihan dijangka diketahui dalam masa dua jam.

Perhimpunan Agung Umno pada Jun lepas, menyaksikan kelahiran Puteri Umno dalam usaha parti itu menarik penyertaan golongan wanita muda dan profesional.

Keanggotaan Puteri Umno terbuka kepada mereka yang berusia antara 18 dan 35 tahun, dan sehingga 40 tahun bagi jawatan ketua pergerakan.

Puteri Umno sah menjadi entiti baru Umno apabila Perhimpunan Agung Khas Umno yang diadakan pada 20 Jun lepas secara sebulat suara meluluskan tujuh pindaan kepada perlembagaan parti berhubung penubuhan pergerakan itu.

Entiti baru yang dilancarkan secara rasmi pada 3 Ogos, 2001, mempunyai organisasi dan ditadbir sama seperti Pergerakan Pemuda dan Wanita di setiap peringkat.

Cadangan untuk mewujudkan entiti baru itu telah diluluskan pada 18 Nov 2000, manakala peraturan pergerakan itu telah diluluskan oleh Majlis Tertinggi Umno pada 10 Mei lepas.

-- BERNAMA  
FA AHH MAI